


TARIKH	9 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	Setempat

# 'Mak Aji' naik haji

Impian ibu 11 anak tercapai dapat tunaikan rukun Islam kelima bersama suami



**Lambaian Kaabah**

>>Oleh Rosyahaida Abdullah  
rosyahaida@hmetro.com.my

**K**ELANA JAYA: Dia cukup terkenal dengan panggilan Mak Aji oleh penduduk Jalan Alor Jejawi, Kampung Kuala Besut, Terengganu sejak di zaman mudanya lagi sedangkan Rukun Islam kelima itu belum pernah ditunaikannya.

Semuanya gara-gara keinginannya untuk ke Tanah Suci dan bergelar hajah begitu tebal sehingga kecoh satu kampung sebelum gelaran terbabit diberikan dan kekal hingga ke hari ini. Kini, panggilan terbabit



**KASIH... Wan Maziah berpelukan bersama ahli keluarga sebelum ke Tanah Suci, semalam.**

bukan lagi sekadar gelaran buatnya kerana Wan Maziah Ahmad, 67, bakal mengerjakan haji bagi musim 1433 Hijrah bersama suami tersayang, Mohammed Jaafar, 76.

Menurutnya, perasaan gembira dan berkobar-kobar untuk menjejakkan kaki di Tanah Suci tidak dapat digambarkan kerana impiannya untuk mengerjakan haji sudah tertanam sejak dia dalam usia

remaja lagi.

"Semua ini hasil sumbangan 11 anak yang bertungkus-lumus mengumpulkan wang sésama mereka untuk mendaftarkan haji buat mak cik dan suami, akhirnya mak

cik dapat merealisasikan gelaran 'Mak Aji' ini.

"Seperti orang lain, mak cik juga berasa tersangat bersyukur kerana masih berkesempatan menunaikannya. Ia nyata hadiah paling besar untuk mak cik yang selama ini tidak putus berdoa untuk diberi peluang melengkapkan kelima-lima rukun Islam," katanya sambil ditemani anak dan saudara mara.

Wan Maziah turut berharap dapat menunaikan pelbagai permintaan daripada anak, menantu dan sanak-saudara lain yang mahukannya berdoa untuk kesejahteraan mereka.

"Paling penting adalah kakak mak cik yang kini tidak boleh berjalan selepas dia sembuh daripada kanser payudara. Kira-kira empat tahun dia menderita dan saya berharap doa saya untuk melihatnya pulih dimakbulkan," katanya ketika ditemui, semalam.